

LEX READ




Ulasan Drama:
ONE CENT
THIEF

NAFKAH ISTERI
BERAS AKU BELI

Fatin Hayati

Menulis:

Santai Harum Manis:
Literasi Undang-Undang
Jenayah



JUU LEX READ



eISSN 2811-3462

ULASAN DRAMA

ONE CENT THIEF

ANALISIS UNDANG-UNDANG: ANTARA FIKSYEN DAN REALITI

OLEH: ANIE FARAHIDA OMAR & MOHD SYAHRIL IBRAHIM

(aniefarahida@uitm.edu.my) & (syahs6@uitm.edu.my)

PELAKON: SYAFIQ KYLE, AZIRA SYAFINAZ, FAIZAL HUSSEIN, FABIAN LOO DAN SOFEA JANE

SUMBER : WATCH ONE CENT THIEF | NETFLIX

1 SINOPSIS

Drama One Cent Thief (2022–2025) mengisahkan Iman Shah, seorang pekerja di Bintang Bank yang pada mulanya mencuri satu sen daripada setiap akaun pelanggan di tempat beliau bekerja, untuk membiayai rawatan jantung bapanya dan melangsaikan hutang dengan ceti haram. Kelebihan yang dimiliki oleh Iman akhirnya mendapat perhatian ketua kartel dadah, yang dikenali sebagai Ibu Zara. Ibu Zara mahu Iman untuk bekerjasama dengannya demi kepentingan peribadi.

Bermula daripada satu bank, Iman telah berjaya mencuri satu sen daripada kesemua bank di dalam negara dan berkongsi keuntungan yang bernilai jutaan ringgit bersama Ibu Zara. Tindakan Iman pada awalnya sukar dikesan, tetapi lamakelamaan mula menimbulkan kecurigaan Ketua Keselamatan di Bintang Bank juga merangkap kawan baiknya, Intan, dan Digital Karma, sebuah organisasi penggadam elit.

Siri ini diinspirasi dari kes benar Aman Shah, bekas eksekutif Hock Hua Bank (dulu dikenali sebagai International Bank Malaysia dan seterusnya bergabung menjadi satu entiti di bawah Alliance Bank Malaysia Bhd) yang telah mencuri RM4.1 juta melalui kaedah yang hampir serupa pada tahun 1990.

Drama ini membuka ruang perbincangan tentang jenayah kewangan, kerentanan sistem perbankan, dan konflik antara keadilan sosial dengan kepatuhan hukum. Dengan merujuk kepada kerangka perundangan Malaysia, artikel ini menganalisis apakah tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas Iman Shah dan Ibu Zara, serta mengupas nilai etika yang digarap dalam drama ini.

2 KERANGKA UNDANG-UNDANG JENAYAH KEWANGAN

A Pecah Amanah Jenayah (CBT: Criminal Breach of Trust)

Dalam kes sebenar Aman Shah, beliau didakwa dan didapati bersalah di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan pecah amanah jenayah oleh kerani atau orang gaji kerana menyalahgunakan jawatannya untuk memindahkan dana pelanggan ke akaun fiksyen, iaitu ke akaun Bistro Advertising Agency, syarikat miliknya sendiri.

Peruntukan seksyen menyatakan sekiranya seseorang didapati bersalah, hukuman yang bakal dihadapi adalah penjara minimum satu tahun dan maksimum 14 tahun dan sebatan, serta boleh didenda. Hakim Mahkamah Sesyen, Haji Muhammad Noor Abdullah, telah menjatuhkan hukuman penjara 5 tahun ke atas Aman Shah.

SUMBER : WATCH ONE CENT THIEF | NETFLIX

Dalam drama *One Cent Thief*, Iman Shah turut melakukan jenayah yang hampir serupa, tetapi motifnya digambarkan lebih simpatik —untuk menyelamatkan nyawa bapanya. Elemen "niat" (*mens rea*) dan "perbuatan" (*actus reus*) menjadi titik penting dalam menentukan liabiliti jenayah seseorang. Walaupun Iman bertindak atas desakan hutang dan tekanan menyelamatkan nyawa bapanya, perbuatannya tetap memenuhi elemen *mens rea* dan *actus reus* kerana wujudnya pemindahan dana tanpa kebenaran secara sengaja. Di Malaysia, isu-isu kecemasan seperti desakan hutang atau masalah perubahan, sukar diterima mahkamah sebagai alasan untuk membatalkan kesalahan jenayah.

B Jenayah Siber

Drama ini turut menyentuh isu penggodaman sistem bank oleh Iman. Tindakan ini boleh didakwa di bawah **Seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997** kerana mengakses sistem komputer tanpa kebenaran, yang membawa hukuman penjara maksimum 5 tahun atau denda tidak melebihi RM50,000.

C Penipuan dan Pemalsuan (Fraud and Forgery)

Perbuatan Iman yang menyamar sebagai petugas kebersihan untuk mengakses ke server room dan menyalahguna persahabatannya dengan Iltan hingga menyebabkan beliau percaya Iman tidak bersalah, boleh juga dianggap sebagai suatu bentuk penipuan di bawah **Seksyen 415 Kanun Keseksaan**. Hukuman bagi jenayah menipu adalah penjara maksimum 5 tahun atau denda, seperti yang termaktub di bawah **Seksyen 417**.

Selain itu, Iman juga telah memanipulasi jap cari rakan sekerja, Shemad, bagi memecah masuk ke bilik Admin PC kerana mahu mencipta kad palsu di bawah nama Ash Lee (memegang jawatan sebagai Assistant Vice President bagi unit Cybersecurity) dan seterusnya meletak kad tersebut di meja Shemad untuk mengelirukan pihak berkuasa. Akibatnya, Shemad telah dikenakan tindakan dan dibuang kerja oleh Bintang Bank.



Selain kesalahan menipu di bawah Seksyen 415, jenayah yang dilakukan oleh Iman juga boleh diklasifikasikan sebagai jenayah di bawah Seksyen 468 iaitu "pemalsuan bagi maksud hendak menipu" dan Seksyen 469 iaitu "pemalsuan bagi maksud hendak merosakkan nama baik seseorang". Jika didapati bersalah, hukuman bagi setiap kesalahan tersebut masing-masing adalah penjara maksimum 7 dan 3 tahun, beserta denda.

D Pengubahan Wang Haram (Money Laundering)

Selain Iman, Ibu Zara juga turut terlibat dengan pelbagai jenayah yang lebih berat, termasuklah membunuh. Beliau sebenarnya merupakan *mastermind* dalam dunia kartel dadah yang berselindung di sebalik Yayasan Zara, yang kononnya melindungi wanita-wanita daripada keganasan rumah tangga dan anak-anak jalanan.

Ibu Zara dilihat menyembunyikan hasil jenayahnya melalui pelbagai saluran. Antaranya Ibu Zara telah bersubhat dengan Alex Pereira, seorang peguam, dengan memindahkan wang dari hasil dadah ke mata wang kripto agar sukar dikesan oleh pihak berkuasa. Perbuatan ini bersesuaian dengan kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA: Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001).

Seksyen 4 AMLA memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram. Sekiranya didapati bersalah, si pelaku boleh dipenjarakan maksimum 15 tahun dan boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM 5 juta, yang mana yang lebih tinggi.



SUMBER : ONE CENT THIEF DRAMA BERSIRI TERBAIK | SUARA SARAWAK



Terlalu banyak jenayah yang dilakukan oleh Ibu Zara di dalam drama ini, contohnya melakukan jenayah peras ugut (Seksyen 506 Kanun Keseksaan), jenayah membunuh (Seksyen 302 Kanun Keseksaan), jenayah menerima rasuah dan memberi suapan (Seksyen 16 dan 17 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009)



SUMBER : ONE CENT THIEF (2022)

A

Dilema Moral: Keadilan lwn. Kepatuhan Undang-Undang

One Cent Thief mengemukakan persoalan etika: adakah jenayah kewangan boleh dibenarkan jika dilakukan untuk tujuan mulia? Dalam drama ini, Iman digambarkan sebagai "penjahat simpatik" atau antiwira yang terperangkap antara keperluan keluarga dan kepatuhan undang-undang. Sekiranya Iman berhujah mengatakan dia tidak tahu bahawa tindakannya itu salah, tetapi dari perspektif perundangan, prinsip ignorantia juris non excusat (kejahilan undang-undang bukan alasan) tetap terpakai. Walaupun motif Iman boleh difahami, tindakannya tetap melanggar undang-undang.

Namun demikian, meskipun dari sudut undang-undang beliau bersalah dan telah dipenjarakan, ia membuka perbincangan mengenai keperluan sistem keadilan restoratif yang lebih sensitif dengan melihat kepada konteks sosial dan ekonomi si pelaku. Sebagai contoh, adakah adil sekiranya kita mengenakan hukuman yang berat kepada si pelaku yang mencuri kerana lapar atau terlalu miskin? Isu ini harus diperhalusi bersama-sama.

B

Kritikan terhadap Sistem Kewangan

Drama ini menyoroti kelemahan sistem perbankan dalam mengawal selia transaksi digital. Mengambil pengajaran daripada kes sebenar Aman Shah, beliau telah mengeksploitasi kelemahan sistem keselamatan bank yang gagal mengesan pemindahan wang tersebut dengan cepat. Begitu juga dengan Iman, oleh kerana beliau telah memahami selok belok sistem keselamatan di Bintang Bank, Iman telah menyalahguna maklumat ini bagi kepentingan diri.

Meskipun terdapat syak wasangka bahawa serangan godaman itu dilakukan oleh orang dalam, namun Ketua Pegawai Teknologi Bintang Bank, Irene De Costa telah mengambil sikap menutup sebelah mata bagi menjaga imej dan nama baik bank. Hal ini mencerminkan kegagalan institusi kewangan untuk mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mewajibkan audit berkala untuk mengelakkan penyelewengan.



SUMBER: ONE CENT THIEF (2023); BAYTUNES AND RELEASE ORDER FOR EACH EPISODE

SUMBER: ONE CENT THIEF | ASIAN DRAMA WIKI | FANDOM

IMPLIKASI TERHADAP UNDANG-UNDANG

A

Keperluan Penguatkuasaan Undang-Undang Siber

One Cent Thief mendedahkan keperluan agar kerajaan Malaysia perlu memperkukuh kerangka undang-undang siber, contohnya Akta Keselamatan Siber 2024. Akta ini digubal bagi tujuan perlu diadakan seiring dengan isu semasa. Bagi kakitangan bank pula, latihan mengenai pematuhan langkah-langkah, standard dan proses tertentu dalam pengurusan ancaman keselamatan siber dan insiden keselamatan siber terhadap infrastruktur maklumat kritikal negara.

Selain itu, latihan khusus untuk para hakim dalam kes berkaitan teknologi kewangan juga perlu diadakan seiring dengan isu semasa. Bagi kakitangan bank pula, latihan mengenai pematuhan undang-undang dan etika juga perlu diadakan secara berkala.

B

Pendidikan Kesedaran Terhadap Jenayah Kewangan

Drama ini telah berjaya meningkatkan kesedaran awam tentang risiko penyelewengan wang di dalam institusi kewangan. Penulis mencadangkan agar pihak berkuasa seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) dapat bekerjasama dengan industri kreatif untuk melancarkan kempen pendidikan berdasarkan kisah sebenar.

5

KESIMPULAN

One Cent Thief bukan sekadar drama thriller dan jenayah fiksiyen, tetapi juga merupakan sebuah kritikan sosial terhadap sistem perundangan dan kewangan Malaysia. Drama ini mencabar penonton untuk mempertimbangkan semula konsep keadilan dalam konteks ketidaksamaan ekonomi. Ia membongkar isu kepercayaan, ketelusan, dan tanggungjawab, sambil mencetuskan kesedaran tentang peri pentingnya penguatkuasaan dan pendidikan undang-undang.

Di penghujung episod akhir, musim kedua, Iman akhirnya telah berjaya ditangkap dan menerima hukuman di penjara. Apa yang menarik, pihak polis dari Unit Khas Jenayah, telah bertemu Iman di penjara dan meminta kepakaran beliau untuk membantu mereka menyelesaikan sesuatu kes. Persoalannya, adakah One Cent Thief akan muncul di musim ketiga? Adakah Iman Shah akan menyertai pihak berkuasa bagi menangkap penjenayah siber sepertinya pula? Sama-sama kita nantikan.

¢

RUJUKAN

Akta Jenayah Komputer 1997

Akta Keselamatan Siber 2024

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Alfie Palermo (Pengarah). (2022-2025). One Cent Thief Musim 1 & 2 [Siri TV]. Astro Shaw & Independent Pictures Sdn. Bhd. <https://www.netflix.com>

Asyraf Aziz. (2024, Julai 24). Siapa Dia?: Aman Shah Curi 1 Sen Beli 6 Biji Kereta Mewah! Jenayah Genius! YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=e6Ab6ZxG6Bw>

Kanun Keseksaan

